

Supplier Code of Conduct (Tatakelakuan Pembekal)



Code of Conduct (Tatakelakuan) ini menetapkan standard minimum BlueScope kepada para pembekal. Kami mengharapkan pembekal kami untuk memenuhi jangkaan dalam Kod ini dan menyampaikan jangkaan ini kepada pembekal mereka sendiri supaya tatakelakuan ini dimaklumkan di seluruh rantai bekalan.

Tujuan Kita

Kami mencipta dan mengilhamkan penyelesaian pintar dalam keluli, untuk mengukuhkan komuniti kami demi masa depan.

Di BlueScope, kami mempunyai tanggungjawab terhadap satu sama lain, terhadap keluarga, pelanggan, pemegang saham, dan komuniti kami yang lebih luas, untuk membangunkan perniagaan lestari yang menyumbang dalam melindungi masa depan kita.

Kami sedar untuk menjadi yang terbaik dalam perkara yang kami lakukan, kami perlu bergantung pada hubungan erat dengan pembekal kami di luar dan dalam negara. Pembekal kami ialah sumber penting bagi perniagaan kami, dan kami sedar bahawa kejayaan kami adalah anjuran bersama.

Our Bond (Ikatan Kami) dan Code of Conduct (Tatakelakuan) Kami

Di BlueScope kami didorong oleh "Our Bond" (Ikatan Kami), suatu pernyataan bertulis tentang nilai dan prinsip kami yang juga mencerminkan kepentingan pelanggan, pembekal, kakitangan, pemegang saham dan komuniti tempat kami beroperasi. Our Bond (Ikatan Kami), bersama Code of Conduct (Tatakelakuan) Kami (Cara Kami Bekerja), membimbing tindakan dan keputusan kami serta menyokong kami dalam memilih perkara yang betul untuk dilakukan.

Rangka kerja Penyumberan Bertanggungjawab Kami

BlueScope komited terhadap amalan penyumberan yang lestari, dengan mencari produk dan perkhidmatan yang dihasilkan secara bertanggungjawab serta mewujudkan nilai alam sekitar, sosial dan ekonomi jangka panjang bagi semua pihak berkepentingan. Kami bersekutu dengan perniagaan yang berkongsi nilai kami.

Dasar Penyumberan Bertanggungjawab Kami menetapkan komitmen kami terhadap amalan penyumberan yang lestari; dan Rangka kerja Penyumberan Bertanggungjawab kami memperincikan pendekatan kami untuk melibatkan rakan kongsi rantai bekalan kami dan prinsip yang kami pegang dan mengharapkan pembekal kami komited terhadap prinsip tersebut. Matlamat kami adalah untuk memastikan amalan lestari dibenamkan dalam proses penyumberan kami, termasuk pemilihan pembekal, pemantauan prestasi dan kerjasama yang berterusan.

Dasar Penyumberan Bertanggungjawab kami tersedia pada laman web korporat BlueScope dan Rangka kerja Penyumberan Bertanggungjawab kami boleh didapati dalam Lampiran 1 Kod ini.



Penerapan Supplier Code of Conduct (Tatakelakuan Pembekal)

Kod ini terpakai kepada semua pembekal dan kontraktor BlueScope, termasuk subkontraktor mereka. Kod ini terpakai kepada semua pekerja¹, termasuk, tetapi tidak terhad kepada, pekerja kasual atau sementara, pekerja tanpa mengira jantina dan umur, serta kepada pekerja tempatan dan pekerja migran.

Pembekal sentiasa dikehendaki untuk mematuhi undang-undang yang terpakai. Jika terdapat keadaan yang undang-undang tidak seketat Kod ini, pembekal diminta untuk mendukung jangkaan dalam Kod ini sebagai sebahagian daripada komitmen perniagaan BlueScope terhadap penyumberan bertanggungjawab.

Jangkaan Kami terhadap Para Pembekal

Kami akan maklumkan prinsip dan jangkaan kami kepada pembekal dan menyemak secara berkala penajajaran pembekal dengan pendekatan kami terhadap penyumberan bertanggungjawab. Kami menghendaki pembekal sedia ada dan baharu kami untuk:

- Menunjukkan bahawa cara mereka beroperasi sejajar dengan jangkaan BlueScope, dan untuk komited terhadap panduan terperinci dalam Supplier Code of Conduct (Tatakelakuan Pembekal) ini.

¹ Sepanjang dokumen ini, 'pekerja' merujuk kepada mana-mana pekerja yang menyediakan perkhidmatan kepada syarikat tanpa mengira mereka diambil bekerja secara terus atau melalui kontraktor atau subkontraktor.

Supplier Code of Conduct (Tatakelakuan Pembekal)

- Memantau dan menyemak kepatuhan mereka dengan Supplier Code of Conduct (Tatakelakuan Pembekal) ini dan memaklumkan kepada BlueScope sebarang isu atau cabaran dalam operasi dan rantaian bekalan mereka.
- Mematuhi proses BlueScope yang bertujuan untuk menilai kepatuhan dengan Supplier Code of Conduct (Tatakelakuan Pembekal) ini. Ini merangkumi balasan terhadap permintaan maklumat dan mungkin termasuk lawatan tapak, penilaian dalam talian, audit pihak ketiga dan pelan tindakan pembetulan.

Apabila menilai keberkesanan suatu pendekatan pembekal terhadap menguruskan risiko yang ditangani oleh Kod ini, kami mengambil kira saiz pembekal, risiko negara (risiko yang wujud kerana konteks pengendalian mereka), aktiviti perniagaan dan sifat perhubungan kami dengan mereka. Jangkaan kami adalah bahawa pembekal mempunyai proses yang mencukupi dan tersedia untuk menguruskan risiko yang berkaitan dengan perniagaan dan rantaian bekalan mereka.

Walaupun kami tidak bertolak ansur terhadap pelanggaran serius terhadap Kod kami, penting untuk diambil perhatian bahawa kami tidak mengabaikan pembekal yang benar-benar berhadapan dengan masalah untuk mencapai pematuhan. Sasaran pertama kami adalah untuk memastikan bahawa sebarang kesukaran sedemikian ditangani dan diselesaikan, dan amalan diwujudkan untuk mengelakkan perkara tersebut berlaku semula. Jika kami kemudiannya percaya bahawa pembekal mempunyai komitmen dan keupayaan untuk mengelakkan perkara tersebut berulang, kami lazimnya akan terus bekerja dengan mereka sehingga, dan selagi perkara itu tidak berulang. Ketidakpatuhan yang berterusan terhadap prinsip dan jangkaan kami sepertimana yang telah kami sampaikan kepada pembekal boleh menyebabkan BlueScope menamatkan hubungan perniagaan tersebut.

Sekiranya ada sebarang soalan berkenaan Code of Conduct (Tatakelakuan) ini, pembekal digalakkan menghubungi wakil Perolehan BlueScope.

Pembangunan Supplier Code of Conduct (Tatakelakuan Pembekal)

Supplier Code of Conduct (Tatakelakuan Pembekal) kami telah dibangunkan oleh sumber pakar bidang dalaman dan disokong oleh penyelidikan dan penandaan aras terhadap rangka kerja tadbir urus antarabangsa, amalan terbaik industri, program penilaian global, serta rakan sejawat dan rakan niaga rantaian bekalan kami.

Kod ini adalah berdasarkan 5 tonggak panduan yang berikut:

- A. Etika Perniagaan
- B. Hak Buruh dan Hak Asasi Manusia
- C. Kesihatan dan Keselamatan
- D. Alam Sekitar
- E. Komuniti

Panduan, standard dan inisiatif yang berikut telah dipertimbangkan dan disepadukan ke dalam pembangunan Kod ini:

- Kod Dasar Inisiatif Dagangan Beretika (ETI)
- 10 prinsip panduan Perjanjian Global PBB (UNGIC)
- Deklarasi Universal PBB tentang Prinsip Hak Asasi Manusia (UDHR)
- Code of Conduct (Tatakelakuan) Perikatan Perniagaan Bertanggungjawab (RBA)
- Piawaian Antarabangsa ResponsibleSteel™
- Matlamat Pembangunan Lestari (SDG) PBB
- Piawaian Organisasi Buruh Antarabangsa (ILO)

Dokumen BlueScope yang berikut memandu dan menyokong Code of Conduct (Tatakelakuan) ini:

- Tujuan Kami & Our Bond (Ikatan Kami)
- Code of Conduct (Tatakelakuan), *Cara Kami Bekerja*
- Pernyataan Hak Asasi Manusia
- Dasar Kesihatan, Keselamatan, Alam Sekitar dan Komuniti (HSEC) kami
- Dasar Penyumberan Bertanggungjawab BlueScope
- Rangka Kerja Penyumberan Bertanggungjawab BlueScope

Versi dokumen ini yang terakhir dikemas kini boleh didapati di [tapak seb korporat BlueScope](#).

Panduan Terperinci Code of Conduct (Tatakelakuan)

A. Etika Perniagaan

Pembekal mestilah mempunyai rangka kerja tadbir urus yang kukuh dan tersedia, disokong oleh sistem pengurusan yang betul. Mereka mestilah mengekalkan suatu standard integriti dan ketelusan yang tinggi dalam semua transaksi perniagaan dan mematuhi undang-undang yang terpakai di mana-mana sahaja mereka beroperasi. BlueScope tidak bertolak ansur terhadap sogokan, rasuah dan amalan yang melanggar undang-undang, dan menggalakkan pelaporan mana-mana salah laku yang dilihat atau yang disyaki.

A1. Ketelusan

Pembekal menyenggara rekod operasi perniagaan, permit dan lesen yang tepat dan telus. Berkaitan dengan integriti dan etika perniagaan, keadaan sosial dan buruh, kesihatan dan keselamatan dalam operasi mereka, serta impak alam sekitar, pembekal mestilah beroperasi dalam cara yang telus dan terbuka untuk penilaian pihak ketiga.

A2. Antisogokan dan Rasuah, dan Sekatan

Pembekal mestilah mematuhi semua undang-undang dan peraturan tempatan dan antarabangsa negara tempat mereka serta tempat perniagaan BlueScope yang mereka bekalkan barangan dan perkhidmatan kepadanya, beroperasi. Pembekal tidak boleh melakukan atau terlibat dalam rasuah atau sogokan dalam apa-apa bentuk sekalipun. Pembekal mestilah menetapkan jangkaan yang jelas terhadap tingkah laku perniagaan, konflik kepentingan dan antirasuah dan sogokan, di samping menyediakan latihan kepada pekerja demi memastikan kesedaran dan menggalakkan pematuhan. Pembekal hendaklah mempunyai mekanisme untuk pihak-pihak melaporkan, selain proses untuk menyiasat, apa-apa aduan berkenaan dengan sogokan atau rasuah.

A3. Sistem Pengurusan

BlueScope percaya bahawa mengukur, mendedahkan dan bertanggungjawab terhadap prestasi organisasi boleh menjadi pemangkin bagi memacu amalan perniagaan yang lestari dan penambahbaikan sepanjang masa. Pembekal mestilah mempunyai suatu sistem pengurusan berkualiti (QMS) atau proses untuk menyokong dan mengekalkan urus tadbir, keperluan pematuhan dan untuk memacu penambahbaikan yang berterusan.

Sistem pengurusan tersebut mestilah merangkumi:

- Kebertanggungjawaban pasukan pengurusan atau pengurus kanan
- Pernyataan tentang komitmen dan amalan penyumberan bertanggungjawab
- Pernyataan berkenaan tatakelakuan di tempat kerja dan amalan perniagaan
- Latihan, pemantauan dan penilaian proses pengurusan.

A4. Pengetahuan tentang Impak Penting

BlueScope memperakui bahawa memahami sifat dan takat impak utama sesebuah organisasi adalah penting dalam menguruskan dan meminimumkan impak tersebut. BlueScope menggalakkan pembekalnya supaya mengenal pasti dan menguruskan secara berkesan isu-isu kelestarian yang penting, termasuk impak mereka terhadap manusia, alam sekitar, komuniti, dan rangkaian bekalan mereka sendiri.

A5. Kawalan Keselamatan Maklumat

Pembekal mestilah mematuhi semua undang-undang privasi yang terpakai dan mesti sudah pun mewujudkan kawalan terhadap penyalahgunaan, kehilangan, akses tanpa izin, penggunaan dan pelupusan maklumat BlueScope atau maklumat pihak ketiga (termasuk maklumat peribadi yang boleh dikenali), aset dan harta benda, termasuk harta intelek.

Pembekal mestilah melaporkan sebarang pelanggaran data yang berpotensi berlaku berkaitan dengan operasi, harta intelek dan maklumat kami (termasuk maklumat pekerja kami) kepada BlueScope dengan segera dan bekerjasama dengan kami berhubung dengan penyiasatan dan penyelesaian yang mungkin diadakan.

A6. Penyumberan Mineral Bertanggungjawab

Pembekal bahan atau produk yang mengandungi mineral mestilah mempunyai proses untuk menjamin secara wajar bahawa mineral tersebut (termasuk, tetapi tidak terhad kepada, tantalum, timah, tungsten, emas, kobalt dan mika) dalam produk yang mereka keluarkan tidak membiayai atau memberi manfaat secara langsung atau tidak langsung kepada kumpulan yang mendalangi pelanggaran hak asasi manusia yang serius. Pembekal mestilah menjalankan usaha wajar terhadap sumber dan Rangkaian Penjagaan² mineral-mineral ini dan bersedia membuktikan langkah-langkah usaha wajar mereka ini kepada BlueScope apabila diminta.

A7. Peruntukan Perkhidmatan Keselamatan

Apabila perkhidmatan keselamatan diberikan, sama ada kepada BlueScope atau perniagaan pembekal sendiri, maka pembekal perkhidmatan itu hendaklah mematuhi [Prinsip Sukarela tentang Keselamatan dan Hak Asasi Manusia](#) atau terhadap undang-undang keselamatan tempatan yang berkenaan sekiranya diperakui di peringkat antarabangsa.

A8. Pensijilan Kelestarian Industri

BlueScope komited terhadap Piawaian Antarabangsa ResponsibleSteel™, iaitu pensijilan tapak dan piawaian pensijilan produk berbilang pihak berkepentingan global yang pertama dalam industri keluli. Standard ini menghendaki BlueScope supaya komited untuk memperoleh sumber daripada pembekal bahan mentah yang bertekad mematuhi penyumberan bertanggungjawab, mendedahkan lokasi penyumberan mereka, dan membuktikan Rangkaian Penjagaan mereka.

² **Rangkaian Penjagaan** – Bermaksud proses berdokumen yang menjejaki pengekstrakan, pemrosesan dan pergerakan bahan melalui pelbagai lapisan rangkaian bekalan.

Supplier Code of Conduct (Tatakelakuan Pembekal)

Semua pembekal lain digalakkan turut serta dalam skim pensijilan industri yang relevan dan kukuh ini untuk memacu standard Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG) yang kukuh.

B. Hak Buruh dan Hak Asasi Manusia

Pembekal mestilah menyokong dan menghormati perlindungan hak asasi manusia yang diisytiharkan di peringkat antarabangsa dan memastikan bahawa mereka tidak bersekongkol dalam pelanggaran hak asasi manusia. BlueScope tidak bertolak ansur dengan amalan buruh paksa dan buruh wajib serta bentuk buruh kanak-kanak yang terburuk³.

B1. Amalan Pengambilan Kerja, Tatatertib, dan Pemberhentian

Pembekal mestilah mempunyai proses-proses yang sedia ada bagi memastikan bahawa amalan pengambilan kerja, kontrak pekerjaan dan amalan pemberhentian mereka beretika dan mematuhi undang-undang dan peraturan yang terpakai sekurang-kurangnya pada tahap minimum.

Tindakan tatatertib berkenaan terma pekerjaan mestilah ditakrifkan dengan jelas dan disampaikan kepada pekerja dalam bahasa yang mereka fahami. Pembekal yang bekerja dengan ejen pengambilan buruh pihak ketiga diharapkan supaya menjalankan usaha wajar mereka sendiri bagi memastikan bahawa amalan pengambil dan perekrutan mereka beretika dan bahawa tiada yuran perekrutan dan/atau kos perjalanan dibayar oleh mana-mana pekerja.

B2. Pekerja Muda dan Buruh Kanak-kanak

Tidak boleh ada penggunaan, oleh pembekal atau mana-mana kontraktor atau subkontraktor mereka, buruh kanak-kanak di bawah umur minimum sah yang terpakai atau di bawah umur 15 tahun, mana-mana yang lebih tinggi. Apabila terdapat pekerja muda (lebih daripada 15 tahun tetapi kurang daripada 18 tahun), pembekal mestilah mematuhi peraturan yang terpakai berkaitan dengan perlindungan yang mencukupi bagi pekerja muda dan usaha mereka mendapatkan pendidikan.

B3. Buruh Paksa

Tiada penggunaan buruh paksa, buruh wajib atau tanpa rela, buruh terikat atau terikat secara kontrak, buruh banduan dipaksa atau diwajibkan (seperti yang ditakrifkan dalam [Konvensyen Buruh Paksa ILO CO29](#)), perhambaan atau pekerja yang diseludup. Hal ini juga termasuk pengangkutan, perekrutan dan pemindahan individu secara ancaman, paksa, kekerasan, atau penipuan bagi perkhidmatan buruh.

Beberapa penunjuk biasa buruh paksa ialah:

- Denda
- Buruh tidak bebas/terikat
- Bekerja dan hidup di bawah ancaman
- Pemegangan dokumen pengenalan atau passport
- Mustahil untuk berhenti daripada pekerjaan

B4. Gangguan dan Penderaan

Pembekal mestilah memastikan bahawa tiada hukuman keras atau yang tidak berperikemanusiaan, ataupun penderaan, seperti penderaan seksual, fizikal dan lisan, serta hukuman dera atau

pemaksaan mental berlaku di tempat kerja. Pembekal mestilah menyediakan latihan kepada semua pekerja, termasuk penyelia dan pengurus, berkaitan dengan penyelenggaraan tempat kerja yang bebas daripada gangguan dan penderaan.

B5. Diskriminasi

Pembekal mestilah bertekad menyediakan tempat kerja yang bebas daripada diskriminasi yang menyalahi undang-undang berdasarkan faktor-faktor seperti umur, jantina, orientasi jantina, etnik, agama, ketidakupayaan, kehamilan, hubungan politik atau keahlian dalam persatuan pekerja atau kesatuan. Pekerja mestilah diberikan peluang pekerjaan yang sama.

B6. Kebebasan Berpersatuan

Pembekal mestilah menghormati hak pekerja untuk bebas berpersatuan dan menyertai rundingan kolektif secara sukarela mengikut undang-undang tempatan.

B7. Mekanisme Rungutan

Pembekal mestilah memberikan dan menyelenggara saluran mekanisme rungutan bagi pekerja menyuarakan masalah tanpa bimbang akan tindakan balas. Mekanisme rungutan mestilah sulit dan hendaklah membenarkan pelaporan secara tanpa nama. Pekerja mestilah dilatih tentang cara menggunakan mekanisme rungutan ini.

Pembekal hendaklah berkongsi butiran [mekanisme Speak Up \(Bersuara\) BlueScope](#) dengan semua pekerja yang berkaitan secara langsung dengan hubungan pembekal BlueScope. Apabila pembekal masih dalam proses melaksanakan mekanisme rungutan sulit mereka sendiri, mereka hendaklah berkongsi butiran mekanisme Speak Up (Bersuara) BlueScope dengan semua pekerja yang terlibat dalam pengeluaran barangan atau perkhidmatan yang dibekalkan kepada BlueScope.

Lihat bahagian "Remedi dan Mekanisme Rungutan" untuk lebih banyak panduan tentang Mekanisme Rungutan.

B8. Upah dan Manfaat

Pembekal mestilah membayar upah minimum yang sah (termasuk premium kerja lebih masa dan manfaat yang dimandatkan) bagi semua pekerja, atau upah dan manfaat yang dipersetujui dalam perjanjian atau kontrak pekerjaan yang berkenaan (mana-mana yang lebih tinggi).

B9. Jam Bekerja

Pembekal mestilah mempunyai proses-proses bagi memastikan bahawa pekerja tidak bekerja lebih daripada jam bekerja maksimum, termasuk kerja lebih masa, mengikut undang-undang yang terpakai dan standard industri. Apabila tiada undang-undang tempatan wujud, pembekal mestilah mematuhi keperluan dalam [Konvensyen Jam Bekerja \(Industri\) ILO \(No. 1\) 1919](#). Pekerja mestilah mendapat tempoh rehat mingguan sekurang-kurangnya 24 jam berturut-turut bagi setiap 7 hari.

C. Kesihatan dan Keselamatan

Pembekal mestilah mendukung kesejahteraan, kesihatan dan keselamatan semua pekerja dalam persekitaran kerja dan mengambil langkah-langkah yang sesuai untuk memastikan

³ Seperti yang ditakrifkan dalam [Konvensyen Organisasi Buruh Antarabangsa \(ILO\) No. 182](#).

Supplier Code of Conduct (Tatakelakuan Pembekal)

bahwa pekerja diberikan perlindungan yang mencukupi terhadap kecederaan pekerjaan dan penyakit.

Pembekal mestilah bekerjasama dengan rakan niaga rantaian bekalan untuk memahami keperluan masing-masing berkenaan kesihatan, keselamatan dan kesejahteraan, dan untuk melaksanakan kawalan yang mampan, berkesan dan praktikal bagi menghapuskan bahaya dan mengurangkan risiko berkaitan dengan tempat kerja, produk dan perkhidmatan. Hal ini termasuk memahami bahawa proses, operasi dan produk setiap rakan niaga rantaian bekalan mungkin mempunyai kesan terhadap kesejahteraan, kesihatan dan keselamatan masing-masing (termasuk pelanggan) dan orang awam.

Semua pembekal yang bekerja di, atau mengunjungi tapak BlueScope diharapkan agar mematuhi prosedur Kesihatan, Keselamatan, Alam Sekitar dan Komuniti (HSEC) kami.

C1. Pengurusan Kesihatan dan Keselamatan Pekerja (OH&S)

Pembekal mestilah sudah pun mempunyai sistem dan proses yang mencukupi untuk menguruskan risiko dan peluang OH&S secara berkesan. Pengurusan kanan mestilah dipertanggungjawabkan secara menyeluruh terhadap OH&S. Tanggungjawab mestilah mentakrifkan OH&S dengan jelas dan standard mestilah sudah sedia ada dan perlu merangkumi:

- Aturan perundingan, termasuk semua pekerja, dan wakil pekerja sekiranya ada, mempunyai peluang untuk mengajukan peluang atau kebimbangan tentang kesihatan dan keselamatan dan perkara ini ditangani melalui proses perundingan.
- Proses untuk mengenal pasti bahaya secara berkesan dan menguruskan risiko kesihatan dan keselamatan setakat yang boleh dilaksanakan secara wajar, dengan menggunakan hierarki kawalan⁴. Proses ini hendaklah merangkumi pengurusan risiko yang berkaitan dengan interaksi antara pihak-pihak rantaian bekalan dengan orang awam (contohnya: semua pihak dalam rantaian bekalan membungkus produk dengan betul untuk membolehkan produk diangkut dengan selamat).
- Proses bagi tindak balas (merekodkan, menyiasat dan mengambil tindakan) terhadap semua insiden (termasuk insiden hampir berlaku, dan semua kecederaan dan penyakit).
- Proses kembali bekerja yang memastikan pekerja yang tercedera menerima penjagaan dan rawatan yang diperlukan untuk menyokong pemulihan dan kembali bekerja.

C2. Kebersihan Industri

Pembekal hendaklah mempunyai langkah yang sesuai untuk memastikan persekitaran kerja cuci, selamat dan bersih. Risiko Kebersihan Industri hendaklah ditangani setakat yang boleh dilaksanakan secara wajar, dengan mengambil kira hierarki kawalan. Pembekal akan menyediakan kelengkapan perlindungan diri (PPE) yang diselenggara dengan baik dan sesuai. Pekerja tidak dikenakan bayaran untuk PPE.

C3. Latihan Kesihatan dan Keselamatan

Pembekal hendaklah menyediakan latihan kepada semua pekerja (termasuk kontraktor) tentang pertimbangan kesihatan dan keselamatan yang berkaitan dengan kerja yang mereka lakukan supaya mereka kompeten untuk jawatan mereka. Ini termasuk latihan tentang bahaya yang mungkin menjejaskan pihak lain dalam rantaian bekalan atau masyarakat umum. Ini termasuk memahami bahaya dan cara risiko dikawal. Contoh merangkumi (tetapi tidak terhad kepada) bekerja di tempat tinggi, bekerja dengan mesin, melindungi bahan di atas kenderaan, bekerja dengan peralatan mudah alih, bekerja dengan bahan kimia berbahaya, pengurusan keletihan dan penggunaan PPE yang betul.

C4. Kawalan Keselamatan Kebakaran dan Persediaan Kecemasan

Pembekal hendaklah mewujudkan, melaksanakan dan mengekalkan proses yang diperlukan untuk bersedia dan bertindak balas terhadap situasi kecemasan yang berpotensi.

Pembekal hendaklah menyimpan protokol dan peralatan keselamatan kebakaran mengikut keperluan undang-undang dan menjalankan latihan dan latih tubi pengosongan secara berkala untuk melaksanakan tindak balas keselamatan kebakaran dan laluan keluar kecemasan.

C5. Sanitasi, Makanan dan Penginapan

Pekerja (termasuk kontraktor dan subkontraktor) hendaklah mempunyai akses terhadap air minuman bersih dan akses kepada penyediaan dan penyimpanan makanan serta kemudahan tempat makan yang bersih. Pembekal hendaklah mempunyai kemudahan tandas yang selamat, wajar dan sesuai mengikut bilangan dan jantina pekerja.

Sekiranya penginapan disediakan kepada pekerja, penginapan tersebut hendaklah cuci, selamat (mengikut jantina, jika terpakai) dan bersih.

C6. Komunikasi Kesihatan dan Keselamatan

Pembekal hendaklah menyediakan maklumat kesihatan dan keselamatan yang berkaitan kepada pekerja dalam bahasa yang boleh difahami oleh semua pekerja. Papan tanda dan amaran keselamatan diletakkan dengan sewajarnya di seluruh tapak yang dikehendaki.

D. Alam Sekitar

Pembekal hendaklah melaksanakan kawalan dan inisiatif untuk meminimumkan impak alam sekitar dari operasi mereka, menggalakkan tanggungjawab alam sekitar yang lebih besar dan sentiasa mencari teknologi dan pemulihan yang meningkatkan prestasi alam sekitar.

D1. Proses pengurusan alam sekitar

Pembekal hendaklah mempunyai proses yang wajar untuk menyokong dan mengekalkan pematuhan alam sekitar, termasuk semua permit dan lesen yang sah berkaitan impak alam sekitar.

D2. Pengurusan sisa

daripada tahap perlindungan dan kebolehpercayaan tertinggi sehinggalah ke peringkat perlindungan terendah dan paling tidak boleh dipercayai.

⁴ Hierarki kawalan ialah satu sistem bagi mengawal risiko di tempat kerja. Sistem ini merupakan satu pendekatan langkah demi langkah bagi menghapuskan atau mengurangkan risiko dan menarafkan kawalan risiko

Supplier Code of Conduct (Tatakelakuan Pembekal)

Pembekal hendaklah memantau sisa yang dihasilkan di tapak dan mengambil langkah untuk mengurangkan sisa. Sekiranya bahan berbahaya dihasilkan, pembekal hendaklah melupuskan sisa berbahaya dengan selamat, bertanggungjawab dan mengikut keperluan undang-undang.

D3. Pelepasan ke Udara, Tanah dan Air

Sekiranya terpakai, pembekal hendaklah memastikan mereka melepaskan ke udara, tanah dan air mengikut keperluan undang-undang dan mempunyai permit yang sesuai bagi pelepasan tersebut. Ini juga merangkumi keselesaan dan impak gangguan komuniti seperti bau dan bunyi.

D4. Pelepasan GHG dan Tenaga

Pembekal hendaklah melaporkan dan memantau pelepasan gas rumah hijau (GHG) yang dihasilkan daripada operasinya, selaras dengan standard dan rangka kerja yang boleh diterima di seluruh dunia.

- Sekiranya pembekal bertanggungjawab di bawah skim pengawalseliaan yang mengehendkan pelepasan (cth. pengawalan penetapan harga karbon, skim dagangan pelepasan serantau) dalam operasi serantau, memastikan keperluan pengawalseliaan yang berkaitan dipatuhi.
- Jika mengendalikan proses intensif tenaga, pembekal hendaklah mengambil langkah untuk menjejak penggunaan tenaga dan sentiasa mencari langkah yang berkesan kos untuk mengurangkan penggunaan tenaga, dan sekiranya boleh, meningkatkan penggunaan pelepasan rendah atau tenaga boleh perbaharui.
- Pembekal diminta untuk berkongsi pelepasan GHG yang dikaitkan dengan bahan mentah dan bahan yang diproses (pengekstrakan, pemprosesan, pengeluaran dan pengangkutan) dan produk lain yang terpakai serta perkhidmatan yang disediakan kepada BlueScope.

D5. Air

Pembekal digalakkan untuk memelihara sumber air komuniti. Jika mengendalikan proses intensif air, pembekal hendaklah menilai dan melaporkan impak dan potensi risiko penggunaan air mereka terhadap persekitaran tempatan dan komuniti, termasuk:

- Memantau sumber air dan mengambil langkah untuk mengurangkan penggunaan air tawar.
- Memantau kualiti air yang dilepaskan dan memastikan perkara ini dilakukan mengikut keperluan undang-undang.

Pembekal beroperasi di kawasan yang mempunyai kekurangan air dasar yang Tinggi atau Sangat Tinggi (seperti yang ditakrifkan oleh alat Atlas Risiko Air Institut Sumber Dunia (WRI), Aqueduct) atau mandat sekatan air tempatan, hendaklah mempunyai kawalan untuk menyokong kekurangan air mereka.

D6. Pengurusan Bahan Berbahaya dan Bahan Kimia

Pembekal digalakkan untuk menjalani program untuk mengurangkan penggunaan dan penglibatan bahan berbahaya⁵ dalam barangan yang mereka keluarkan. Bagi bahan yang digunakan untuk mengilangkan produk BlueScope, pengisytiharan tentang bahan berbahaya, bahan yang membimbangkan dan

bahan bermasalah lain diperlukan. Kami menggalakkan pembekal untuk bekerja dengan kami untuk mengurangkan penggunaan bahan berbahaya dan bermasalah.

Pembekal hendaklah memantau inventori dan penggunaan bahan kimia (bahan berbahaya dan/atau mudah terbakar). Sekiranya bahan kimia tersebut digunakan, pembekal hendaklah melaksanakan langkah keselamatan bahan kimia dan menyediakan latihan berkala kepada semua pekerja dan kakitangan penyeliaan tentang pengendalian, penyimpanan dan penggunaan selamat bahan kimia, protokol tumpahan bahan kimia dan pelupusan bahan kimia yang sewajarnya. Penunjuk keselamatan yang sewajarnya hendaklah dipaparkan dengan jelas di semua kawasan yang menggunakan atau menyimpan bahan kimia.

D7. Ekonomi Pekeliling

Pembekal barangan hendaklah mengambil langkah untuk membenamkan kecekapan sumber dan prinsip ekonomi pekeliling dalam proses pengilangan mereka serta memastikan, setakat yang boleh, produk boleh digunakan semula, dibaiki dan/atau dikitar semula pada akhir hayatnya.

Kami menggalakkan pembekal untuk bekerja dengan kami dan pembekal di seluruh rantaian bekalan mereka untuk membuat pembaharuan bagi meningkatkan peratusan bahan input yang dikitar semula, mengurangkan pembaziran (seperti dalam pembungkusan dan bahagian usang) dan memastikan sumber yang digunakan dalam produk tidak hilang dalam timbunan tanah.

D8. Persekitaran Semula Jadi, Biodiversiti dan Warisan Budaya

Pembekal digalakkan untuk menjalankan perniagaan dalam cara yang melindungi persekitaran semula jadi, biodiversiti dan warisan budaya. Contoh pertimbangan termasuk, tetapi terhad kepada:

- Melaksanakan kawalan untuk mengurangkan impak terhadap persekitaran tempatan, biodiversiti dan warisan budaya daripada projek dan pembangunan baharu.
- Memfokuskan pada inisiatif yang meningkatkan persekitaran semula jadi dan menggalakkan biodiversiti bagi operasi sedia ada seperti penanaman koridor hidupan liar atau pemulihan laluan air.
- Mempertimbangkan impak persekitaran, biodiversiti dan warisan budaya di seluruh rantaian bekalan anda semasa penyumberan barangan dan perkhidmatan.

E. Komuniti

BlueScope mengiktiraf manfaat kepada komuniti melalui penglibatan kami dengan organisasi orang asli, perusahaan sosial, golongan kurang bernasib baik dan kumpulan berdasarkan komuniti. BlueScope menggalakkan pembekalnya untuk berbuat sedemikian dan menguruskan operasi mereka bagi menyumbang kepada komuniti di tempat mereka beroperasi.

E1. Pekerjaan Tempatan dan Inklusif

Pembekal hendaklah mempunyai program untuk memaksimumkan pekerjaan tempatan dan inklusif termasuk pekerjaan orang asli dan individu kurang upaya.

⁵ "Bahan berbahaya" ialah sebarang item atau agen (biologi, kimia, radiologi, dan/atau fizikal) yang boleh menyebabkan kemudaratan kepada

manusia, haiwan atau alam sekitar. Ini boleh berpunca daripada bahan itu sendiri atau interaksi dengan bahan lain.

Supplier Code of Conduct (Tatakelakuan Pembekal)

E2. Perolehan Tempatan dan Inklusif

Pembekal hendaklah mempunyai program untuk memaksimumkan perolehan tempatan dan inklusif di sepanjang operasi mereka.

E3. Meminimumkan Impak Negatif

Pembekal hendaklah berusaha untuk mengelakkan, mengurangkan dan memulihkan sebarang impak negatif yang berpotensi dan risiko yang muncul daripada aktiviti mereka.

Mekanisme Pemulihan dan Rungutan

BlueScope mengiktiraf kepentingan mekanisme rungutan terhadap amalan perniagaan yang bertanggungjawab. Prinsip Panduan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu tentang Perniagaan dan Hak Asasi Manusia (UNGP) mentakrifkan mekanisme rungutan sebagai mana-mana proses rutin yang rungutan tentang penyalahgunaan hak asasi manusia yang berkaitan dengan perniagaan boleh dikemukakan dan dipulihkan.

Mekanisme rungutan berkesan umumnya diurus dan dilaksanakan secara dalaman merentasi pelbagai kumpulan pihak berkepentingan tetapi juga disokong oleh pihak luaran, termasuk tetapi tidak terhad kepada pembekal bebas, program industri, rakan kongsi komuniti, organisasi masyarakat sivil dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO).

Mekanisme rungutan hanya boleh digunakan jika individu yang ditujukan mengetahui, mempercayai dan dapat menggunakan mekanisme tersebut. Oleh itu, kami mengharapkan pembekal kami supaya menyediakan mekanisme rungutan yang mematuhi prinsip yang diperincikan di bawah.

UNGP telah menetapkan kriteria keberkesanan bagi mekanisme rungutan peringkat operasi seperti di bawah:

- **Sah** - Memperoleh kepercayaan daripada kumpulan pihak berkepentingan yang akan menggunakan mekanisme ini dan bertanggungjawab memastikan proses rungutan ini dijalankan dengan adil.
- **Boleh dicapai** - Dimaklumi oleh semua pihak berkepentingan yang akan menggunakannya dan menyediakan bantuan sewajarnya bagi mereka yang mempunyai halangan untuk mengakses.
- **Boleh diramalkan** - Menyediakan prosedur yang jelas dan diketahui dengan rangka masa dinyatakan bagi setiap peringkat, dan kejelasan tentang jenis proses serta hasil yang tersedia dan kaedah pemantauan.
- **Adil** - Berusaha untuk memastikan bahawa pihak yang terkilan mempunyai akses yang sewajarnya kepada sumber maklumat, nasihat dan kepakaran yang diperlukan untuk terlibat dalam proses rungutan tentang syarat yang adil, termaklum dan dihormati.
- **Telus** - Memastikan pihak yang terkilan dimaklumkan tentang kemajuannya dan menyediakan maklumat secukupnya tentang prestasi mekanisme untuk mewujudkan keyakinan tentang keberkesannya.

Untuk sebarang soalan berkaitan Supplier Code of Conduct (Tatakelakuan Pembekal) ini, sila hubungi wakil Perolehan BlueScope anda.

Di BlueScope, kami komited untuk memupuk budaya bersuara apabila terdapat sesuatu yang tidak kena, dan melindungi individu yang bersuara.

- **Bersesuaian dengan hak** - Memastikan hasil dan pemulihan selaras dengan hak asasi manusia yang diiktiraf di seluruh dunia. Mengintegrasikan norma dan standard hak asasi manusia ke dalam proses dan berdasarkan prinsip tanpa diskriminasi, kesaksamaan, kebertanggungjawaban, pemeraksanaan dan penyertaan.
- **Sumber pembelajaran berterusan** - Merangka langkah berkaitan untuk mengenal pasti pembelajaran bagi meningkatkan mekanisme dan mencegah rungutan dan kecederaan pada masa hadapan.

Contoh mekanisme rungutan dalaman:	Contoh mekanisme rungutan luaran:
<ul style="list-style-type: none"> • Kotak cadangan • Dasar pintu terbuka / dialog terbuka • Perjumpaan antara pekerja dan pengurusan • Kaji selidik pekerja • Telefon / apl / talian bantuan berdasarkan web 	<ul style="list-style-type: none"> • Talian Etika • Dialog yang dipermudahkan • Audit dengan temu bual pekerja • Kaji selidik pekerja • Telefon / apl / talian bantuan berdasarkan web

Talian utama Speak Up (Bersuara)/Kelakuan

BlueScope menyediakan perkhidmatan talian utama yang diuruskan oleh pihak ketiga kepada pekerja, pembekal, kontraktor/subkontraktor dan anggota masyarakat yang prihatin sebagai mekanisme untuk mengemukakan kebimbangan salah laku secara sulit.

Selain daripada menjadi talian pelaporan yang sulit, pelapor juga boleh memilih untuk membuat laporan Speak Up (Bersuara) mereka secara sulit.

Jika anda mengenal pasti salah laku yang mungkin tidak selaras dengan peraturan yang diperincikan dalam Kod ini atau jika anda telah mengenal pasti pelanggaran Kod ini atau mengesyaki sebarang salah laku lain yang berkaitan dengan BlueScope, sila:

- hubungi wakil perolehan BlueScope anda;
- e-mel laporan sulit melalui pasukan Etika & Pematuhan BlueScope di Ibu Pejabat di Australia: ethics@bluescope.com; atau
- melaporkan melalui mekanisme Speak Up (Bersuara) BlueScope menggunakan salah satu kaedah yang digariskan di sini.

Lampiran 1: Rangka Kerja Penyumberan Bertanggungjawab

BlueScope Ranka Kerja Penyumberan Bertanggungjawab



BlueScope komited terhadap amalan penyumberan yang lestari, dengan mencari produk dan perkhidmatan yang dihasilkan secara bertanggungjawab serta yang mewujudkan nilai alam sekitar, sosial dan ekonomi jangka panjang bagi semua pihak berkepentingan. Pendekatan kami adalah untuk memupuk amalan perniagaan yang bertanggungjawab dan mendukung hak asasi manusia melalui penglibatan dan kerjasama dengan para pembekal serta melalui penilaian risiko dan penambahbaikan yang berterusan.

Rangka Kerja Penyumberan Bertanggungjawab kami difokuskan pada 5 tiang panduan kami dan disokong oleh pendekatan risiko berdasarkan 4 langkah yang ditumpuka

Tonggak panduan kami



Etika Perniagaan



Hak Buruh dan Hak Asasi Manusia



Kesihatan dan Keselamatan



Alam Sekitar



Komuniti

Proses penglibatan dan penambahbaikan kami

UTAMAKAN

Kami mengutamakan penglibatan dengan pembekal kami berdasarkan faktor risiko rantaian bekalan dan industri.

Kami sejajar dengan pengetahuan perniagaan tempatan dalam semua bidang perniagaan kami.

TERLIBAT

Kami memberi tumpuan kepada penglibatan dalaman dan luaran untuk menjelaskan mengapa pengambilan sumber bertanggungjawab adalah penting dan untuk menerangkan risiko ESG di seluruh rantaian nilai kami.

Kami bekerjasama dengan rakan kongsi industri untuk menjalankan perubahan mampan.

MENILAI

Kami mempunyai rangka kerja penilaian yang terstruktur dengan penilaian yang bebas:

- Pemeriksaan media buruk dan sanksi pembekuan terhadap pembekal
- Penilaian EcoVadis
- Penilaian di tapak pihak ketiga
- Skim pensijilan industri

MENINGKATKAN

Kami mempunyai pendekatan yang berstruktur untuk latihan dalaman dan luaran.

Kami secara aktif berinteraksi dengan pembekal kami mengenai tindakan pembetulan dan rancangan peningkatan.

Kami bekerjasama dengan dan menilai semula pembekal kami untuk mendorong peningkatan berterusan.

Bagaimana Pasukan pemerolehan kami membantu dan menyokong initiative ini

- Sertakan amalan perniagaan yang bertanggungjawab dan mampan sebagai kriteria utama dalam proses penyumberan kami.
- Melakukan penilaian risiko awal dan tinjauan yang perlu terhadap pembekal. Menyumbang dalam menentukan pembekal terpilih untuk penglibatan dalam risiko-risiko kemampuan.
- Berinteraksi dengan pembekal mengenai "Tatakkelakuan Pembekal" kami, dan proses penilaian kemampuan yang diperlukan. Jadikan pemerolehan sumber yang bertanggungjawab sebagai item agenda tetap untuk mesyuarat semakan pembekal.
- Bekerjasama dengan pembekal untuk peningkatan berterusan dalam pemerolehan sumber yang bertanggungjawab. Bekerja dengan pembekal mengenai tindakan pembetulan dan rancangan peningkatan pemerolehan sumber yang bertanggungjawab.

Apa yang kami harapkan daripada pembekal kami

- 1 Berpegang kepada "Tatakkelakuan Pembekal" kami.
- 2 Membangunkan dan melaksanakan Program Pemerolehan yang bertanggungjawab untuk anda sendiri bagi meningkatkan kesedaran dan menguruskan risiko dalam rantaian nilai kita bersama.
- 3 Melaksanakan satu Mekanisme Aduan bagi semua pekerja anda dan berkongsi butiran Polisi "Speak up" dari BlueScope dengan ahli pasukan anda yang berkaitan.
- 4 Memberikan maklumat seperti yang diperlukan dan lengkapkan Penilaian EcoVadis atau menjalankan audit oleh Pihak Ketiga jika diminta.
- 5 Mengambil tindakan pembetulan apabila risiko-risiko berkaitan dengan pemerolehan sumber dan perniagaan dikenal pasti. Memberi tumpuan kepada peningkatan berterusan dalam pemerolehan sumber yang bertanggungjawab.

Rangka Kerja kami disokong oleh dasar-dasar dan standard yang kukuh

Our Purpose Our Bond | Human Rights Policy | Health, Safety, Environment and Community Policy | Responsible Sourcing Policy | Supplier Code of Conduct | SpeakUp)

Lampiran 2: Rujukan

- Talian Utama Speak Up (Bersuara) BlueScope: <https://australia.deloitte-halo.com/whistleblower/website/BlueScope>
- Kod Dasar Inisiatif Dagangan Beretika (ETI): <https://www.ethicaltrade.org/eti-base-code>
- Standard Pertubuhan Buruh Antarabangsa: <https://www.ilo.org/global/standards/subjects-covered-by-international-labour-standards/working-time/lang--en/index.htm>
- Standard Antarabangsa ResponsibleSteel™: <https://www.responsiblesteel.org/>
- Code of Conduct (Tatakelakuan) Perikatan Perniagaan Bertanggungjawab: <http://www.responsiblebusiness.org/code-of-conduct/>
- 10 prinsip panduan Padat Global Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (UNGCG): <https://www.unglobalcompact.org/what-is-gc/mission/principles>
- Prinsip Deklarasi Universal Hak Asasi Manusia Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (UDHR): <http://www.un.org/en/universal-declaration-human-rights/>
- Prinsip Panduan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu tentang Perniagaan dan Hak Asasi Manusia: https://www.ohchr.org/Documents/Publications/GuidingPrinciplesBusinessHR_EN.pdf
- Prinsip Sukarela tentang Keselamatan dan Hak Asasi Manusia: <https://www.voluntaryprinciples.org/>
- Institut Sumber Dunia: <https://www.wri.org/>